



**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)
MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KESEBELAS**

TARIKH : **16 JANUARI 2019 (RABU)**

MASA : **9.30 PAGI**

TEMPAT : **BILIK WACANA PUTRA 3, ARAS 2, BANGUNAN
PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(PENYELIDIKAN DAN INOVASI)
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

KEHADIRAN : **LAMPIRAN A**

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
11.1	ALUAN Pengerusi Pengerusi memulakan mesyuarat dengan bacaan Al-Fatihah dan mengalu-alukan kehadiran Penasihat dan Ahli Jawatankuasa Kerja serta Wakil ke Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Kesebelas.	Makluman
11.2	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KESEPULUH Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Kesepuluh yang diadakan pada 21 September 2018 disahkan tanpa sebarang pindaan.	Makluman

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
11.3	PERKARA BERBANGKIT 11.3.1 Mesyuarat meneliti perkara-perkara berbangkit hasil Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali kesepuluh adalah seperti pada Lampiran B. 11.3.2 Mesyuarat mengambil maklum dan perhatian terhadap perkara yang memerlukan tindakan susulan sebagaimana berikut: (a) <u>Minit 10.3.2 (a)</u> – Mesyuarat mencadangkan pihak iDEC membawa semula isu berkaitan pihak yang seharusnya bertanggungjawab sebagai pemunya proses (process owner) bagi pelaksanaan Kad Maya PutraViD kepada pihak Jawatankuasa Pengurusan Universiti/ Ketua Pegawai Maklumat (CIO) UPM bagi memastikan pemunya proses yang tepat dikenalpasti. Dalam masa yang sama, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang) diminta meneliti dan meluluskan SOP berkaitan pelaksanaan kad maya di mesyuarat peringkat peneraju. (b) <u>Minit 10.4.4</u> – Mesyuarat meminta Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang) memastikan laporan berhubung objektif ISMS dan perkara/tindakan melibatkan pelaksanaan ISMS dibawa dalam mesyuarat yang bersesuaian di peringkat peneraju yang turut melibatkan semua wakil entiti yang berada di bawah pasukan ini.	Makluman TWP ISMS/ TWP iDEC/ Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang) Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang)

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
11.4	LAPORAN OBJEKTIF KESELAMATAN MAKLUMAT Mesyuarat: 11.4.1 mengambil maklum Laporan Pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat bagi tempoh Januari hingga Disember Tahun 2018 adalah seperti mana perincian yang dinyatakan di Lampiran C. 11.4.2 mengambil maklum berdasarkan laporan yang dikemukakan, kesemua enam (6) Objektif Keselamatan Maklumat telah mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2018. 11.4.3 bersetuju dengan penetapan objektif keselamatan maklumat beserta sasaran bagi tahun 2019, kaedah pengukuran yang digunapakai serta penambahan satu (1) objektif baharu ISMS berkaitan pelaksanaan Kad Maya PutraViD yang perlu diambil tindakan oleh semua pasukan ISMS yang terlibat sebagaimana yang dinyatakan di Lampiran C.	Makluman Makluman Semua Ketua Pasukan ISMS
11.5	LAPORAN DOKUMENTASI SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT Mesyuarat: 11.5.1 mengambil maklum cadangan perubahan Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat dan Dokumen Penyata Pemakaian (Statement of Applicability) yang akan berkuatkuasa pada 22 Februari 2019 adalah sebagaimana di Lampiran D. 11.5.2 mengambil maklum justifikasi perubahan adalah seperti berikut: (a) <u>Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat</u> – pengemaskinian berdasarkan perubahan skop pensijilan, perubahan no. pensijilan, perubahan objektif ISMS dan perubahan terkini dokumentasi ISO UPM; dan	Makluman Makluman

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	(b) <u>Penyata Pemakaian (Statement of Applicability)</u> – pengemaskinian ekoran penemuan Audit Pensijilan Semula SIRIM Tahun 2018 melibatkan Annex A.6.1.5 (Keselamatan Maklumat Dalam Pengurusan Projek) daripada pemilihan TIDAK (tidak terpakai) kepada YA (terpakai) bagi objektif kawalan/kawalan yang terlibat. 11.5.3 meminta semua pasukan ISMS memastikan penggunaan dokumen rujukan yang terkini dalam pelaksanaan proses kerja di peringkat PTJ atau entiti lain yang terlibat bagi setiap pasukan. 11.5.4 meminta supaya hebahan penggunaan dokumen rujukan ISMS yang terkini ini dibuat kepada semua Timbalan Wakil Pengurusan Peneraju/PTJ bagi mengelakkan penggunaan dokumen luput.	Semua Ketua Pasukan ISMS Penyelaras ISMS
11.6	LAPORAN PENILAIAN RISIKO (RA) DAN PELAN PEMULIHAN RISIKO (RTP) SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 11.6.1 Mesyuarat mengambil maklum berhubung laporan penilaian risiko hasil Bengkel Semakan Penilaian Risiko yang telah diadakan pada 19 September 2018 adalah sebagaimana di Lampiran E. Secara keseluruhan laporan menunjukkan terdapat sebanyak 1157 risiko dengan tahap rendah (L), 157 risiko dengan tahap sederhana (M) dan tiada risiko dengan tahap Tinggi (H). 11.6.2 Mesyuarat turut mengambil maklum bahawa Laporan Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko ISMS Semakan September 2018 ini telah dibawa dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-41 pada 9 Oktober 2018.	Makluman Makluman
11.7	LAPORAN PELAKSANAAN SOAL SELIDIK PIHAK BERKEPENTINGAN ISMS TAHUN 2018 11.7.1 Mesyuarat mengambil maklum status pelaksanaan tiga (3) kategori soal selidik pihak berkepentingan ISMS tahun 2018 adalah sebagaimana berikut: (a) <u>Soal Selidik Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Sesi kemasukan 2018/2019.</u> Soal selidik ini telah dilaksana pada 2 September 2018	Makluman

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/MAKLUMAN
	iaitu semasa hari pendaftaran pelajar baharu prasiswazah dan 20 September 2018 iaitu pada hari pendaftaran pengambilan kedua pelajar baharu prasiswazah. Hasil analisis mengenainya telah dibawa untuk pemakluman Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-41 dan Peneraju ISMS yang terlibat diminta mengemaskini kembali laporan berdasarkan beberapa cadangan penambahbaikan semasa mesyuarat. Laporan yang telah dikemaskini perlu dibawa semula ke Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti berikutnya. (b) <u>Soal Selidik Perkhidmatan Pusat Data Tahun 2018.</u> Soal selidik secara <i>online</i> ini telah dilaksanakan pada 27 Disember 2018 dan hanya memperolehi responden daripada lima (5) PTJ sahaja. Pelaksanaan semula soal selidik akan dibuat selepas Pusat Data melaksanakan taklimat khas pada 29 Januari 2019 kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di PTJ yang ada menempatkan pelayar (server) sistem di Pusat Data UPM. (c) <u>Soal Selidik Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti Tahun 2018</u> Soal selidik melalui Sistem Putra LMS ini masih belum dapat dilaksanakan atas kekangan proses naiktaraf sistem tersebut. Justeru, pihak Pusat Pembangunan Akademik (CADE) selaku peneraju proses akan menggunakan <i>google form</i> sebagai alternatif sementara bagi tujuan pelaksanaan Soal Selidik Penilaian Pengajaran Prasiswazah Semester Kedua 2018/2019 bermula 28 Januari 2019. 11.7.2 Mesyuarat meneliti laporan Soal Selidik Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Tahun 2018 yang dibentangkan dan meminta peneraju yang terlibat mengemaskini semula laporan berdasarkan cadangan penambahbaikan semasa mesyuarat seperti berikut: (a) Mengenalpasti punca skor responden dengan skala 1 (sangat tidak memuaskan) bagi soalan yang berkaitan untuk tujuan penambahbaikan pelaksanaan soal selidik akan datang; (b) Meminda format carta pai kepada carta bar supaya lebih mudah dibaca dan jelas; (c) Memasukkan catatan yang diperolehi daripada responden (jika ada) dalam ruangan cadangan	Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang)

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/MAKLUMAN
	penambahbaikan pelaksanaan soal selidik; dan (d) Meneliti semula kesesuaian cadangan membangunkan aplikasi mudah alih bagi responden menjawab soal selidik secara <i>mobile apps</i> .	
11.8	LAPORAN STATUS PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 SETIAP PASUKAN ISMS 11.8.1 Mesyuarat meneliti laporan pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Pasukan ISMS yang diterima daripada Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Pasiswazah (Kampus Serdang), Pasukan Pusat Data, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Pasiswazah (Kampus Bintulu) dan Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti bagi tempoh Oktober hingga Disember 2018 adalah seperti di Lampiran F. 11.8.2 Mesyuarat turut dimaklumkan pada 25 Februari 2019 akan diadakan Taklimat Pemantapan ISO (QMS, ISMS dan EMS) serta Program Pengukuhan Audit Dalaman di UPM Kampus Bintulu.	Makluman Makluman
11.9	PERANCANGAN AKTIVITI ISMS TAHUN 2019 11.9.1 Mesyuarat mengambil maklum laporan perancangan aktiviti ISMS tahun 2019 adalah sepertimana di Lampiran G. Perancangan merangkumi aktiviti seperti Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS, Bengkel Penilaian Risiko, Bengkel Semakan Penyata Pemakaian (SoA), Audit Dalaman ISMS dan Audit SIRIM ISMS. 11.9.2 Mesyuarat mencadangkan supaya diadakan slot tambahan bagi sesi pemahaman SoA kepada semua pasukan ISMS bagi tujuan memantapkan lagi pemahaman dan pelaksanaan kawalan ke atas perkara-perkara yang dinyatakan dalam dokumen tersebut. 11.9.3 Mesyuarat meminta supaya pihak CQA menyediakan senarai semak persediaan setiap pasukan ISMS bagi menghadapi Audit Dalaman dan Audit SIRIM tahun 2019.	Makluman Penyelaras ISMS Penyelaras ISMS

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
11.10	HAL-HAL LAIN 11.10.1 STATUS TINDAKAN PENUTUPAN PENEMUAN AUDIT DALAMAN ISMS TAHUN 2017 & 2018 (a) Mesyuarat mengambil maklum sehingga 14 Januari 2019, status penutupan bagi penemuan Audit Dalaman Tahun 2017 dan 2018 adalah seperti di Lampiran H. (b) Mesyuarat meminta Peneraju /PTJ yang terlibat supaya mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan peluang penambahbaikan (OFI) Audit Dalaman Tahun 2017 & 2018 dapat ditutup mengikut tempoh yang telah dipersetujui dalam Portal Jaminan Kualiti (PortalCQA). 11.10.2 STATUS TINDAKAN PENUTUPAN PENEMUAN AUDIT PENSIJILAN SEMULA SIRIM ISMS TAHUN 2018 Mesyuarat mengambil maklum pelan tindakan bagi tujuh (7) OFI Audit Pensijilan Semula SIRIM ISMS tahun 2018 telah diterima daripada semua Peneraju/PTJ yang terlibat dan tempoh diberi sehingga 30 April 2019 bagi membolehkan peneraju/PTJ menghantar bukti pelaksanaan tindakan kepada pihak Penyelaras Audit Dalam di CQA. Perincian OFI dan pelan tindakan adalah sebagaimana di Lampiran I.	Makluman Ketua Pasukan ISMS yang berkenaan Makluman
11.11	PENANGGUHAN MESYUARAT Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengahari dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.	

**SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013
KALI KESEBELAS**

HADIR

1. Encik Mohd Faizal Daud **- Pengerusi**
2. Encik Rosmi Othman (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
3. Puan Noorizai Haji Mohamad Noor (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
4. Encik Sudirman Asmadi (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu) - *melalui Video Konferen*
5. Encik Zaidi Talip (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu) - *melalui Video Konferen*
6. Encik Mohd Zul Mohd Yusoff (Ketua, Pasukan Pusat Data)
7. Encik Shahril Iskandar Amir (Timbalan Ketua, Pasukan Pusat Data)
8. Encik Ahmad Nizam Abdullah (Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)
9. Puan Hashimah Amat Sejani (Penyelaras Penilaian Risiko ISMS)
10. Puan Shamrizah Shari **- Setiausaha**

TURUT HADIR

1. Encik Krishnan Mariappan

TIDAK HADIR (DENGAN KENYATAAN)

1. Tuan Haji Rosdi Wah (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
2. Encik Fahmi Azar Mistar (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
3. Puan Yasminani Mohamad (Timbalan Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)

**TINDAKAN SUSULAN BAGI PERKARA BERBANGKIT
MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT KALI KESEPULUH
PADA 21 SEPTEMBER 2018**

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN TINDAKAN
1.	10.3.2 (a)	Minit 9.4 (d) (i) – Mesyuarat meminta Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang) memastikan dokumen rujukan operasi (SOP) berkaitan pelaksanaan kad maya PutraVID dilaksana dan disahkan di peringkat peneraju sebelum hebahan pemakaian dibuat.	Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang)	<u>Maklum Balas Pasukan Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang):</u> Telah dikemukakan kepada CQA untuk maklum balas. <u>Maklum Balas CQA:</u> Draf dokumen telah dikembalikan semula kepada pihak BKU pada 10 Disember 2018 untuk semakan secara lebih terperinci supaya selaras dengan pelaksanaan terkini PutraViD di UPM.
2.	10.3.2 (b)	Minit 9.4 (d) (iii) – Mesyuarat bersetuju supaya satu sesi semakan khas ke atas pelaksanaan kad maya PutraVID bagi proses yang terlibat di Bahagian Keselamatan Universiti dan juga Pusat Kesihatan Universiti dilaksana pada 26 September 2018 melibatkan Timbalan Wakil Pengurusan ISMS, Ketua Juruaudit ISMS, Ketua Fasilitator ISMS dan pegawai di CQA.	Penyelaras ISMS	Sesi Semakan Status Pelaksanaan Kad Maya PutraVID untuk Persediaan Audit Pensijilan Semula SIRIM ISMS 2018 telah diadakan pada 26 September 2018 ke Bahagian Keselamatan Universiti (BKU) dan Pusat Kesihatan Universiti (PKU) oleh TWP ISMS, KB PKP CQA, Ketua Fasilitator ISMS, Ketua Juruaudit AD ISMS, PAD dan PKD.
3.	10.3.2 (c)	Minit 9.5.1 (a) (ii) – Mesyuarat dimaklumkan Soal Selidik Perkhidmatan Pusat Data yang akan dilaksana bersekali dengan Soal Selidik Perkhidmatan ICT bakal dilaksanakan pada bulan Oktober 2018.	Ketua Pasukan Pusat Data	Telah hebahkan soal selidik secara <i>online</i> pada 27 Disember 2018. Responden hanya 5 PTJ sahaja yang memberi maklum balas, kemaskini 8 Januari 2019. <u>Cadangan Tindakan:</u> Pihak Pasukan Pusat Data akan melaksanakan satu taklimat kepada semua <i>personel</i> PTJ yang menempatkan <i>server</i> di Pusat Data pada hujung Januari 2019 (29hb/30hb). Cth. pengguna: 1. Bahagian Akademik; 2. Pemilik laman web PTJ; dan 3. Pemilik Proses kepada Sistem Aplikasi.

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN TINDAKAN
4.	10.3.2 (d)	<u>Minit 9.5.1 (a) (iii)</u> – Mesyuarat mengambil maklum dua (2) soalan soal selidik khusus kepada pelaksanaan ISMS bagi penilaian pengajaran yang bakal dilaksanakan pada bulan Disember 2018 adalah sepertimana berikut, iaitu: (i) Tahap kepuasan terhadap ciri-ciri keselamatan sistem; dan (ii) Tahap responsif sistem (tempoh yang diperlukan untuk melengkapkan satu penilaian pengajaran).	Ketua Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti	Penilaian pengajaran sem. 1 2018/19 mula dilaksanakan pada 22 Oktober 2018. Atas sebab kekangan sumber untuk menyediakan penilaian dalam platform <i>Putra Learning Hub</i>, soal selidik tidak dapat dilaksanakan semasa penilaian sem. 1 2018/19. CADe akan melaksanakan soal selidik tersebut untuk penilaian pengajaran sem. 2 2018/19 bermula pada 28 Januari 2019 (Program Diploma) menggunakan <i>google form</i>. Hebahan kepada fakulti dan pelajar akan dibuat melalui emel.
5.	10.3.2 (e)	<u>Minit 9.5.1 (b)</u> – Mesyuarat meminta Pasukan Pusat Data dan Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti memastikan draf soalan soal selidik bagi penilaian tahun 2018 dihantar untuk semakan Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti sebelum digunapakai.	Ketua Pasukan Pusat Data & Ketua Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti	<u>Maklum Balas Pasukan Pusat Data:</u> Pasukan Data akan menghantar soal selidik kepada Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti pada 8 Januari 2018. <u>Maklum Balas Pasukan Penilaian Pengajaran:</u> Soal selidik keselamatan maklumat bagi penilaian pengajaran telah dimajukan kepada Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti untuk semakan.
6.	10.4.3	mencadangkan supaya penetapan sasaran objektif keselamatan maklumat berikut ditambahbaik pada tahun 2019 berdasarkan kepada maklumat data pencapaian yang telah melebihi sasaran yang ditetapkan pada tahun 2018 dan juga tahun sebelumnya, iaitu: (a) Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian bagi UPM Bintulu (Sasaran - 75%, Pencapaian - 98%); dan (b) Memastikan proses pemulihan sistem aplikasi pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan (Sasaran - ≤8 jam, Pencapaian - 1 jam 51 minit).	Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Bintulu) & Ketua Pasukan Pusat Data	<u>Maklum Balas Pasukan Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Bintulu):</u> Mencadangkan sasaran 90% bagi tahun 2019 untuk pembayaran yuran. <u>Maklum Balas Pasukan Pusat Data:</u> Pasukan Pusat Data bersetuju untuk menurunkan kepada 6 jam berdasarkan penambahan aplikasi berikut: 1. Aplikasi kewangan UPMKB; 2. Aplikasi Penilaian Pengajaran; dan 3. Cadangan untuk melibatkan <i>server Putra Learning Hub</i>.

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN TINDAKAN															
7.	10.4.4	bersetuju dengan kaedah pengukuran yang perlu digunapakai bagi setiap objektif ISMS yang perlu diukur oleh setiap pasukan adalah sepertimana berikut: <table><tr><th>Bil</th><th>Penyataan Objektif</th><th>Kaedah Pengukuran</th></tr><tr><td>1.</td><td>Memastikan pelajar prasiswazah yang mengemukakan tawaran yang sah dibenarkan mendaftar</td><td>Membandingkan senarai semak pelajar yang telah melapor diri dengan senarai pelajar yang disahkan dan aktif dalam eSMP</td></tr><tr><td>2.</td><td>Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian</td><td>Membandingkan jumlah pelajar yang membayar yuran secara atas talian dengan jumlah keseluruhan pelajar yang membayar yuran</td></tr><tr><td>3.</td><td>Memastikan proses pemulihan sistem aplikasi pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan</td><td>Memastikan pematuhan kepada <i>Recovery Time Objective</i> (RTO) Pelan Pemulihan Bencana ICT</td></tr><tr><td>4.</td><td>Memastikan <i>Service Level Agreement</i> (SLA) 95.0 sokongan ICT Pusat Data (rangkaian, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses pendaftaran pelajar baharu bebas dari gangguan setiap semester</td><td>Membandingkan tempoh masa <i>downtime</i> dengan tempoh masa sistem beroperasi semula</td></tr></table>	Bil	Penyataan Objektif	Kaedah Pengukuran	1.	Memastikan pelajar prasiswazah yang mengemukakan tawaran yang sah dibenarkan mendaftar	Membandingkan senarai semak pelajar yang telah melapor diri dengan senarai pelajar yang disahkan dan aktif dalam eSMP	2.	Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian	Membandingkan jumlah pelajar yang membayar yuran secara atas talian dengan jumlah keseluruhan pelajar yang membayar yuran	3.	Memastikan proses pemulihan sistem aplikasi pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan	Memastikan pematuhan kepada <i>Recovery Time Objective</i> (RTO) Pelan Pemulihan Bencana ICT	4.	Memastikan <i>Service Level Agreement</i> (SLA) 95.0 sokongan ICT Pusat Data (rangkaian, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses pendaftaran pelajar baharu bebas dari gangguan setiap semester	Membandingkan tempoh masa <i>downtime</i> dengan tempoh masa sistem beroperasi semula	Semua Ketua Pasukan ISMS	Maklum Balas Pasukan Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang): Akan dibentangkan dalam Mesyuarat MSKP HEPA. MSKP HEPA telah dijadualkan 9 Disember 2018, walau bagaimanapun ia ditangguhkan ke tarikh yang lain. Nota: Pemantauan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS UPM
Bil	Penyataan Objektif	Kaedah Pengukuran																	
1.	Memastikan pelajar prasiswazah yang mengemukakan tawaran yang sah dibenarkan mendaftar	Membandingkan senarai semak pelajar yang telah melapor diri dengan senarai pelajar yang disahkan dan aktif dalam eSMP																	
2.	Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian	Membandingkan jumlah pelajar yang membayar yuran secara atas talian dengan jumlah keseluruhan pelajar yang membayar yuran																	
3.	Memastikan proses pemulihan sistem aplikasi pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan	Memastikan pematuhan kepada <i>Recovery Time Objective</i> (RTO) Pelan Pemulihan Bencana ICT																	
4.	Memastikan <i>Service Level Agreement</i> (SLA) 95.0 sokongan ICT Pusat Data (rangkaian, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses pendaftaran pelajar baharu bebas dari gangguan setiap semester	Membandingkan tempoh masa <i>downtime</i> dengan tempoh masa sistem beroperasi semula																	

BIL	MINIT	AGENDA			TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN TINDAKAN
		Bil	Penyataan Objektif	Kaedah Pengukuran		
		5.	Memastikan penilaian pengajaran setiap pelajar adalah rahsia	Pengukuran berdasarkan tiada aduan/insiden berkaitan penilaian pengajaran selain tidak membenarkan permohonan maklumat penilaian mengikut pelajar oleh pensyarah/fakulti (komunikasi kaedah aduan adalah dengan memasukkan 'disclaimer' berkaitan tindakan yang boleh diambil oleh pelajar sekiranya berlaku ketirisan maklumat selepas penilaian dilaksana)		
		6.	Memastikan pelajar yang membuat penilaian merupakan pelajar berdaftar dalam Sistem Maklumat Pelajar (eSMP)	Pengukuran berdasarkan kepada verifikasi/pengesahan oleh pihak PTJ ke atas senarai nama pelajar yang mendaftar dan masih aktif bagi setiap kursus.		
8.	10.4.5	bersetuju supaya objektif keenam iaitu 'Memastikan pelajar yang membuat penilaian merupakan pelajar berdaftar dalam Sistem Maklumat Pelajar (eSMP)' digantikan dengan objektif baharu berikut dan penggunaannya tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti kali ke-41 akan datang, iaitu:			Ketua Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti	Kelulusan perubahan objektif ISMS (No.6) berkaitan skop penilaian pengajaran ialah pada 9 Oktober 2018 (Mesy. JK kualiti Bil. 41) dan akan mula diukur bermula semester kedua 2018/2019. Pencapaian objektif kualiti bagi Disember 2018 masih menggunakan objektif sedia ada iaitu "Memastikan pelajar yang membuat penilaian merupakan pelajar berdaftar dalam Sistem Maklumat Pelajar (eSMP)".

BIL	MINIT	AGENDA				TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN TINDAKAN
		Objektif	Sasaran	Kaedah pengukuran	Mekanisme pemantauan pengukuran		
		Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap memuaskan	Min 4.0	Skor (min) yang diperolehi bagi item tahap kepuasan terhadap ciri-ciri keselamatan sistem	Dapatan soal selidik pelajar terhadap Sistem Penilaian Pengajaran		
9.	10.4.6	cadangan penambahbaikan pada masa akan datang iaitu dengan memasukkan objektif berkaitan pemantauan proses kad maya (PutraVID) sebagai salah satu daripada pengukuran objektif keselamatan maklumat di UPM. Perkara ini akan dibawa dan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam mesyuarat akan datang.				Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Serdang & Bintulu)	Akan dibincangkan dalam Agenda 4.0 (Laporan Objektif Keselamatan ISMS).
10.	10.5.2	meminta semua pasukan ISMS untuk memastikan penggunaan/rujukan kepada dokumen yang terkini dalam proses kerja terutamanya semasa pelaksanaan Audit Pensijilan Semula SIRIM ISMS pada 1 hingga 3 Oktober 2018.				Semua Ketua Pasukan ISMS	Rujukan terkini terhadap Dokumen Rujukan Pelaksanaan ISMS serta dokumen ISO ISMS boleh dirujuk melalui Portal eISO.
11.	10.5.3	meminta supaya hebahan berkaitan penggunaan dokumen rujukan yang terkini ini dibuat semula kepada semua Timbalan Wakil Pengurusan Peneraju/PTJ melalui emel dan aplikasi <i>whatapps</i> .				Penyelaras ISMS	Hebahan berkaitan penggunaan dokumen rujukan ISMS yang terkini telah diemel dan turut dimaklumkan menerusi aplikasi <i>whatapps</i> pada 27 September 2018 kepada semua ahli JK Kualiti.
12.	10.6.3	bersetuju meluluskan laporan penilaian risiko ISMS bagi semakan September 2018 dengan beberapa cadangan penambahbaikan yang dicadangkan semasa mesyuarat. Ringkasan laporan penilaian risiko yang telah dikemaskini adalah sepertimana di Lampiran E.				Penyelaras Penilaian Risiko ISMS	Tindakan telah dilaksanakan. Laporan penilaian risiko semakan September 2018 telah dibawa dan disahkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-41 pada 9 Oktober 2018.

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN TINDAKAN
13.	10.6.4	meminta setiap pasukan ISMS memastikan sasaran tempoh masa pelaksanaan bagi 'kawalan yang dirancang' dan 'pelan pemulihan risiko' dinyatakan dalam laporan penilaian risiko masing-masing bagi tujuan pemantauan.	Semua Ketua Pasukan ISMS	Perbincangan berkaitan pemantauan kawalan penilaian risiko ISMS akan dilaksana melalui Bengkel Semakan Penilaian Risiko ISMS yang dijadualkan pada bulan April 2019.
14.	10.8.2	Mesyuarat meminta pasukan ISMS memastikan mesyuarat dikalangan ahli pasukan masing-masing diadakan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun bagi melapor/ membincangkan berkaitan perkara/tindakan melibatkan ISMS atau dilaporkan menerusi Mesyuarat Pengurusan PTJ (bagi pasukan yang melibatkan ahli dari PTJ yang sama).	Semua Ketua Pasukan ISMS	<u>Maklum Balas Pasukan Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang):</u> Akan dimaklumkan dalam Mesyuarat MSKP HEPA. MSKP HEPA telah dijadualkan 9 Disember 2018, walau bagaimanapun ia ditangguhkan ke tarikh yang lain. ISMS adalah agenda dalam Mesyuarat Pengurusan BHEP. <u>Maklum Balas Pasukan Pusat Data:</u> Sila rujuk laporan aktiviti Pasukan Pusat Data 2018.
15.	10.9.1 (b)	Mesyuarat meminta Peneraju /PTJ yang terlibat untuk mengambil tindakan penutupan sewajarnya mengikut tempoh yang telah dipersetujui sebagaimana dalam Portal Jaminan Kualiti (PortalCQA).	Ketua Pasukan ISMS yang berkenaan	<u>Maklum Balas Pasukan Pusat Data:</u> Semua penemuan audit dalaman dan SIRIM 2018 berkaitan iDEC telah diambil tindakan.
16.	10.9.3 (b)	Mesyuarat mengambil perhatian bahawa beberapa perkara telah diputuskan untuk diambil tindakan oleh pihak-pihak yang terlibat sebagaimana yang dinyatakan pada Lampiran I.	Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang)	<u>Maklum Balas Pasukan Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang):</u> Laporan soal selidik ISMS telah dikemaskini.
17.	10.9.4 (c)	Mesyuarat meminta semua pasukan ISMS memastikan persediaan sewajarnya dilaksana bagi tujuan kelancaran proses Audit Pensijilan Semula SIRIM ISMS tahun 2018 di lokasi masing-masing.	Semua Ketua Pasukan ISMS	Tindakan telah dilaksana oleh semua peneraju proses dan audit dapat dilaksana dengan lancar dengan hasil penemuan kosong (0) Laporan Ketakakuran (NCR) dan tujuh (7) Laporan Peluang Penambahbaikan (OFI).

Nota: Sebagaimana yang dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-41 pada 9 Oktober 2018

BIL	PENYATAAN OBJEKTIF	SASARAN	PENERAJU	KAEDAH PENGUKURAN	PENCAPAIAN 2017	PENCAPAIAN 2018
1.	Memastikan pelajar prasiswazah yang mengemukakan tawaran yang sah dibenarkan mendaftar	100%	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)	Membandingkan senarai semak pelajar yang telah melapor diri dengan senarai pelajar yang disahkan dan aktif dalam eSMP	100%	100% [Pengukuran semasa pendaftaran pelajar baharu Diploma di UPMKB pada 21 Jun 2018 (489 orang) dan pendaftaran pelajar baharu Prasiswazah Serdang dan UPMKB pada 2 September 2018 (3496 orang) dan pada 20 September (125 orang)]



BIL	PENYATAAN OBJEKTIF	SASARAN	PENERAJU	KAEDAH PENGUKURAN	PENCAPAIAN 2017	PENCAPAIAN 2018
2.	Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian	98% UPM Serdang (2018) 80% UPM Serdang (2017) 75% UPM Bintulu (2018) 60% UPM Bintulu (2017)	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)	Membandingkan jumlah pelajar yang membayar yuran secara atas talian dengan jumlah keseluruhan pelajar yang membayar yuran	100% (UPM Serdang) (3280 daripada 3280 pelajar program bachelior membayar yuran secara atas talian) 98% (UPM Bintulu) (45 daripada 46 pelajar program bachelior membayar yuran secara atas talian)	100% (UPM Serdang) (Pengukuran semasa pendaftaran pelajar baharu prasiswazah pada 2 September 2018 dan 20 September 2018 (3554/3554)) 97% (UPM Bintulu) [Pengukuran semasa pendaftaran pelajar baharu Diploma di UPMKB pada 21 Jun 2018 (477/489) & Pendaftaran pelajar prasiswazah pada 2 September 2018 (58/59)] dan pada 20 September 2018 (3554/3554)

NEW UPDATE!
NEW UPDATE!

BIL	PENYATAAN OBJEKTIF	SASARAN	PENERAJU	KAEDAH PENGUKURAN	PENCAPAIAN 2017	PENCAPAIAN 2018
3.	Memastikan proses pemulihan sistem aplikasi pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan	≤ 8 jam	Pasukan Pusat Data	Memastikan pematuhan kepada <i>Recovery Time Objective</i> (RTO) Pelan Pemulihan Bencana ICT	Simulasi DRP Sistem SMP pada 12 Mei 2017 telah berjaya dilaksanakan pemulihan selepas 7 jam 40 minit	Simulasi DRP ICT telah berjaya dilakukan dalam tempoh 1 jam 51 minit (Rujuk Laporan simulasi DRP ICT 27 Julai 2018)



BIL	PENYATAAN OBJEKTIF	SASARAN	PENERAJU	KAEDAH PENGUKURAN	PENCAPAIAN 2017	PENCAPAIAN 2018
